

**KENYATAAN SURUHANJAYA TENAGA  
MENGENAI SEMAKAN SEMULA HARGA GAS ASLI  
BAGI SEKTOR BUKAN ELEKTRIK  
DI SEMENANJUNG MALAYSIA**

---

1. Selaras dengan pelan rasionalisasi subsidi negara, kerajaan telah memutuskan untuk menyemak semula harga gas asli yang dibekalkan kepada sektor bukan elektrik. Langkah ini merupakan salah satu inisiatif di bawah Rancangan Malaysia Kesepuluh dalam usaha kerajaan untuk meningkatkan kecekapan penggunaan tenaga dan meminimumkan herotan dalam pasaran tenaga.
2. Sehubungan itu, berkuatkuasa 1 Mei 2014, semakan harga gas asli berpaip PETRONAS kepada sektor bukan elektrik di Semenanjung disemak semula seperti berikut:
  - i. harga gas asli PETRONAS kepada Gas Malaysia Bhd (GMB) bagi penggunaan gas tidak melebihi 5 juta kaki padu sehari (mmscf/d) dinaikkan sebanyak RM1.50/mmBtu daripada RM14.05/mmBtu kepada RM15.55/mmBtu;
  - ii. harga gas asli PETRONAS kepada sektor industri sedia ada bagi penggunaan gas melebihi 5 mmscf/d dinaikkan daripada RM18.35/mmBtu kepada RM19.85/mmBtu;
3. Mulai 23 Mei 2013, harga gas asli yang dibekalkan oleh PETRONAS kepada pelanggan-pelanggan baru dan bekalan gas tambahan kepada

pelanggan sedia ada melalui loji *regasification* adalah berdasarkan harga pasaran LNG ex-Bintulu dengan diskaun sebanyak 10% bagi sektor bukan elektrik.

4. Sehubungan itu, berkuatkuasa 1 Mei 2014, tarif gas asli bagi setiap kategori pelanggan GMB adalah seperti berikut;

<b>Kategori Tarif</b>	<b>Purata Penggunaan Gas Tahunan (mmBtu)</b>	<b>Tarif Baru (RM/mmBtu)</b>
A	Pengguna Domestik	19.52
B	0 - 600	20.61
C	601 - 5,000	17.64
D	5,001 - 50,000	18.14
E	50,001 - 200,000	19.00
F	200,001 - 750,000	19.18
L	Melebihi 750,000	19.65
<b>Purata</b>		<b>19.32</b>

5. Pengguna gas asli kategori A dan kategori B yang masing-masing terdiri daripada pengguna domestik dan pengguna komersil tidak akan mengalami sebarang kenaikan. Kenaikan harga gas ini juga tidak melibatkan gas petroleum cecair (liquefied petroleum gas – LPG) dan gas asli untuk kenderaan (natural gas vehicle – NGV).

SURUHANJAYA TENAGA

11 April 2014